

Persaraan Dr. M timbulkan persoalan masa depan LID

UM 3 AUG 2002

Oleh MOHD. NOR AB. SAMAD

FOKUS

DIALOG Antarabangsa Langkawi 2002 (LID 2002) berakhir hari ini dengan meninggalkan satu persoalan penting. Apakah tanpa Dr. Mahathir dalam politik dan kerajaan pada tahun depan, LID menjadi tidak relevan lagi dalam usaha mengukuhkan lagi kerjasama Selatan-Selatan?

Apabila Dr. Mahathir tidak lagi menjadi Perdana Menteri, mulai Oktober tahun depan, apakah bilangan ketua kerajaan, negara dan tokoh korporat merosot penyertaannya dalam perhimpunan sekali lagi, di Langkawi, 2004.

Kesemua persoalan ini bermain-main bukan sahaja di kalangan peserta tetapi juga para wartawan. Semua maklum, kekuatan dialog perkongsian pintar terletak pada nama Dr. Mahathir Mohamad.

Dr. Mahathir merupakan penasihat dan penggerak dialog perkongsian pintar yang falsafah dan konsep turut dikongsi bersama di benua Afrika.

Bermula dari Langkawi, 1995, dialog itu tidak pernah gagal diadakan, sama ada di pulau sumpahan Mahsuri atau benua Afrika.

LID 2002 merupakan kali ke-6, bermula 1995, 1996, 1997, 1999 dan 2000.

Pada tahun 1998 dan 2001 dialog perkongsian pintar diadakan di benua Afrika.

Dari LID lahir Dialog Antarabangsa Barbados (BID), Dialog Antarabangsa Selatan Afrika (SAID) dan Dialog Antarabangsa Timur Afrika (EAID).

LID 2002, BID dan SAID merupakan komponen penting dalam Global 2002.

Pada tahun 2003, LID akan diadakan di benua Afrika. Dialog perkongsian pintar merupakan perhimpunan bijak antara kerajaan, sektor swasta dan penggerak ekonomi ke arah kemakmuran, kemajuan dan pembangunan bersama.

Dr. Mahathir dikenali di kalangan negara-negara Afrika. Idea-idea Perdana Menteri diperlukan

bagi membantu negara-negara berkenaan melalui era globalisasi dan liberalisasi perdagangan serta pelaburan.

Sebab itu, kebanyakan peserta mahu Dr. Mahathir terus aktif dalam LID meskipun selepas bersara. Bagi mereka, sumbangan Dr. Mahathir masih diperlukan untuk merealisasikan matlamat perkongsian pintar.

Bagaimanapun, Dr. Mahathir ketika ditemui pada hari pertama LID, mengesahkan yang beliau akan terus aktif.

"Saya akan tetap aktif sebagai ahli biasa selepas bersara."

Semasa ucapan pembukaan Global 2002-LID, Dr. Mahathir berkata: "LID akan diteruskan bagi mencapai matlamat untuk pembangunan dan kemajuan bersama."

Terdapat kekusaran kemungkinan LID kali ini merupakan yang terakhir sebab kejayaannya bergantung pada jumlah penyertaan, keberkesanan dialog dan hasil yang diperolehi.

Bagaimanapun segala pertanyaan itu mungkin terjawab dengan kehadiran Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi pada dialog dua hari itu.

Abdullah juga bukan orang baru dalam LID. Timbalan Perdana Menteri itu pernah terlibat atas sifat Menteri Luar.

Selaku bekas Menteri Luar, Abdullah cukup arif tentang kepentingan kerjasama Selatan-Selatan. Beliau juga aktif dalam persidangan antarabangsa termasuk CHOGM.

Apa yang jelas dan pasti, LID seperti kata Dr. Mahathir akan terus bertahan sehingga matlamat melahirkan sebuah dunia aman, makmur dan maju tercapai.

Walaupun matlamat itu masih jauh tetapi perjalanan ke arah itu, perlu diteruskan, walau apa jua halangan dan rintangan.